

25/05/1999

Malaysia akan tambah pejabat konsul di China

PETALING JAYA, Isnin - Kerajaan akan membuka lebih banyak pejabat Konsul di China bagi memudahkan rakyat negara itu mendapat visa untuk lawatan ke Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pejabat berkenaan akan dibuka di tempat yang mempunyai banyak permintaan untuk visa Malaysia.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, melawat China baru-baru ini untuk mengenal pasti tempat bagi pembukaan pejabat berkenaan.

Pada masa ini rakyat China boleh memohon visa Malaysia dari Kedutaan Malaysia di Beijing dan pejabat konsul Malaysia di Hong Kong dan Guangzhou.

Abdullah berkata, rakyat China juga boleh mendapatkan visa di mana-mana pintu masuk di negara ini.

Di samping itu, katanya, rakyat China yang tiba dari negara ketiga, akan diberi visa di pintu masuk negara ini.

"Misalnya, jika rakyat China melawat Indonesia dan ingin melawat Malaysia pula, mereka boleh mendapatkan visa di pintu masuk di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku, A New Deal For Asia yang ditulis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Menurut Abdullah, keputusan membuka lebih banyak pejabat Konsul di China dibuat kerana pihak berkuasa China memerlukan visa dikeluarkan lebih awal kepada rakyatnya sebelum mereka melawat Malaysia.

"Bagaimanapun, kita tidak ada masalah untuk memberi visa kepada pelancong dari China untuk masuk ke Malaysia sama ada melalui KLIA, Langkawi, Johor Baharu atau mana-mana pintu masuk," katanya.

Pembukaan pejabat berkenaan juga berikutan semakin ramai rakyat negara itu melancong ke sini, selain sempena ulang tahun ke-25 hubungan Malaysia-China.

Abdullah berkata, pembukaan pejabat berkenaan dapat mempercepatkan pengeluaran visa.

Beliau yakin pembukaan pejabat baru itu dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala serta menguntungkan kedua-dua pihak.

"Malaysia gembira kerana hubungan antara kedua-dua negara telah sekian lama baik dan saling menguntungkan kedua-dua pihak.

"Hubungan yang baik ini adalah hasil usaha rakyat kedua-dua negara yang ikhlas mahu menjalin persahabatan dan kerjasama," katanya.

Bagaimanapun, katanya, keputusan untuk membuka lebih banyak pejabat imigresen itu hanya membabitkan negara China, walaupun beberapa negara lain seperti Indonesia dan India pernah mengemukakan permintaan yang sama.

(END)